



MOD.100-2/1/2 Jld 7 (61) 02/10

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN MENYEMPURNAKAN**  
**MAJLIS PENUTUP PAMERAN CYBERDSA 2025**

1. **KUALA LUMPUR, 2 OKTOBER 2025** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Pameran *Cyber Digital Services, Defence and Security Asia Exhibition and Conference (CyberDSA) 2025* di *Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC)*, hari ini.
2. Pameran CyberDSA 2025 diadakan selama tiga (3) hari, CyberDSA 2025 menghimpunkan lebih 8,090 profesional industri dari 46 negara serta 160 pempamer dari 19 negara, menjadikannya antara platform serantau terpenting untuk membincangkan cabaran keselamatan siber yang kian kompleks dan membentuk landskap pertahanan digital di Asia. Acara ini menampilkan sesi perbincangan berimpak, demonstrasi teknologi, dan jaringan strategik yang menekankan kerjasama antara kerajaan, industri dan akademik demi memperkasa kepercayaan digital serta kesiapsiagaan nasional.
3. Sementara itu di dalam program Siber Siaga 2025, pertandingan misi keselamatan siber *Capture The Flag* telah dianjurkan dengan kerjasama antara Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP) dengan Mindmatics Sdn Bhd, TM One dan Asia Pacific University of Technology and Innovation. Pertandingan telah diadakan selama dua hari bermula 30 September hingga 1 Oktober 2025. Pertandingan yang mengasah skil keselamatan siber secara interaktif ini berjaya menarik lebih 75 pasukan dan melibatkan 238 peserta daripada komuniti keselamatan siber seluruh negara. Sepanjang pertandingan, setiap pasukan diuji dengan beberapa kemahiran keselamatan siber seperti penyelesaian masalah mencari 'flag' di dalam sistem, penggodaman serta penyiasatan digital. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk menarik minat dan mengasah bakat-bakat tempatan untuk menceburi bidang keselamatan siber secara lebih mendalam.
4. Bersempena penganjuran CyberDSA dan Siber Siaga 2025 juga, Kementerian Pertahanan melalui BSEP dan Majlis Sukan Angkatan Tentera (MSAT) buat pertama kalinya telah menganjurkan Pertandingan Sukan Elektronik Generasi Angkatan Masa Hadapan (ESPORT GEN ATM). Pertandingan ini melibatkan golongan belia dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 30 tahun yang bertanding pada 2 Oktober 2025 dengan anggaran penyertaan seramai 200 orang. Peserta yang berjaya akan membawa pulang Piala ESPORT GEN ATM 2025.

5. Pertandingan E-Sport Siber Siaga ini merupakan inisiatif daripada Timbalan Menteri Pertahanan dalam menyokong Teras 3 dan Teras 4 Pelan Strategik Kementerian Pertahanan 2021 hingga 2025 iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga Kerja Pertahanan (Teras 3) dan Pengukuhan Kerjasama Awam-Tentera atau CIMIC (Teras 4). Program ini juga sekaligus turut menyokong pelaksanaan Pelan Strategik Pembangunan Sukan Elektronik Kementerian Belia Sukan (KBS) 2020 hingga 2025 bagi mewujudkan ekosistem *e-sport* mengikut standard tadbir urus yang tinggi selain mencungkil dan memupuk bakat pelajar sekolah dalam *e-sport*. Pertandingan E-Sport yang dianjurkan ini memberi manfaat kepada golongan belia iaitu:
  - a. menyediakan platform kepada golongan belia dalam pembangunan inovasi dan teknologi berkaitan digitalisasi.
  - b. membina kesedaran dan pengetahuan peserta mengenai kerjaya profesional dalam bidang E-Sport.
  - c. mengasah bakat dan kecenderungan belia dalam bidang digitalisasi.
  - d. menyediakan ruang kepada belia untuk mendalami cabaran keselamatan siber dalam dunia E-Sport.
  - e. meningkatkan kesedaran belia mengenai peranan ATM dalam domain keselamatan siber menerusi program CyberDSA dan Siber Siaga.
6. Timbalan Menteri Pertahanan juga telah mengumumkan bahawa edisi seterusnya, CyberDSA 2026, akan diadakan pada 5 hingga 7 Oktober 2026 di MITEC, Kuala Lumpur.
7. Turut hadir ke Majlis Perasmian Penutup CyberDSA 2025 adalah Pengerusi Aerosea Exhibitions Sdn Bhd, Tan Sri Asmat Kamaludin; Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim; Ketua Pengarah BSEP, Laksamana Muda Fadhil bin Abdul Rahman; Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Al-Ishtar Prof. Dato' Ishak T. Kechik; Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity Malaysia, Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin bin Abdul Wahab dan Pengarah Eksekutif Aerosea Exhibitions Sdn Bhd, Nadzeem bin Abdul Rahman.

**- TAMAT -**

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**2 Oktober 2025**